

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 40 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan kepemimpinan.

Huraikan pendapat anda tentang **kepemimpinan yang baik**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Seluas tekun direncana,
Negara maju transformasi dijana,
Pemimpin berilmu berakhlak mulia,
Menjadi teladan wawasan dilaksana.
(*awak-awak ulang Rangkap 1*)

Menjadi idola harapan bangsa,
Negara dijulang seantero dunia,
Maju gemilang merentas masa,
Rakyat cemerlang pencetus idea.
(*awak-awak ulang Rangkap 1*)

Dipetik daripada 'Dikir Pemimpin Unggul'
oleh Amsyar Sukri
dalam *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Seorang pemimpin mestilah memiliki kesabaran yang kental dalam menghadapi tuntutan dan kerenah rakyatnya yang pelbagai ragam dan kalau boleh, pemimpin hendaklah berusaha menunaikan kewajipannya untuk membantu meningkatkan kesejahteraan rakyatnya kerana itu adalah tanggungjawab mereka.

Sumber: *Harian Metro Online*, Julai 2020



BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 20 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1 DOMAIN PERIBADI

Menghiasi Taman Negara Mulu ialah Gunung Mulu yang merupakan gunung batu pasir setinggi kira-kira 2377 meter dan mempunyai sejarah yang berusia lebih daripada 1.5 juta tahun lamanya. Gunung Mulu juga telah diisytiharkan sebagai salah satu tapak warisan dunia pada tahun 2000 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO).

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*, halaman 76

Sebagai pelancong, kita mempunyai pelbagai tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar antaranya adalah dengan menjaga kelestarian alam sekitar.

Ulas pernyataan di atas.

2 DOMAIN AWAM

“Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Covid-19 sebanyak 2,726 kes sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 97,218 kes.

“Bagaimanapun, terdapat pertambahan 11 kematian hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 494 kes atau 0.41 peratus.

“Sehingga kini, terdapat 124 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana 51 kes memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Sumber: *Harian Metro Online*, 3 Januari 2021

Penularan wabak Covid-19 semakin hari semakin meningkat di Malaysia. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, huraikan langkah-langkah yang berkesan untuk memastikan wabak tersebut tidak terus merebak dalam kalangan masyarakat.

Tulis karangan anda selengkapnya.

3 DOMAIN PENDIDIKAN

Terdapat pelbagai karya kreatif yang diminati oleh para remaja masa ini. Namun novel agak terkehadapan kerana mempunyai permintaan yang tinggi dibandingkan dengan karya kreatif yang lain seperti puisi dan drama. Karya sastera seperti novel sebenarnya adalah sulit dan rahsia, disulit dan dirahsiakan oleh sasterawan melalui wadah yang membentuk karyanya kerana makna kehidupan itu sendiri pun adalah sulit dan rahsia. Hanya kepada “orang-orang yang suka berfikir” yang benar-benar dapat merasai keindahan, kenikmatan dan kebenaran sastera dapat menikmatinya.

Sumber: *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*

Karya sastera banyak memberi manfaat kepada pembaca. Melalui karya sastera juga, nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, anda ingin menulis rencana tentang kebaikan-kebaikan mempelajari karya sastera.

Tulis rencana anda selengkapnya.

4 DOMAIN KERJAYA

Juruterbang bertanggungjawab untuk mengendalikan pesawat dan memastikan semua aspek keselamatan dipatuhi mengikut Manual Operasi Penerbangan. Juruterbang juga perlu memeriksa kelengkapan dan peralatan elektronik di dalam pesawat, menyemak pelan penerbangan berdasarkan keadaan cuaca, suhu, kelajuan angin, dan berat pesawat semasa berlepas, serta keperluan bahan api yang secukupnya untuk penerbangan.

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*, Halaman 28

Anda bercita-cita untuk menjadi seorang juruterbang. Untuk menjadi seorang juruterbang yang berjaya, banyak aspek yang perlu diberi perhatian agar kapal terbang boleh terbang dengan selamat.

Tulis satu karangan tentang ciri-ciri yang perlu anda miliki untuk menjadi seorang juruterbang yang berjaya.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT